

Pusat-Sabah akan pulih hubungan

2 FEB 1994

Oleh MOHD. NOR SAMAD
RUHAIDINI ABD. KADIR

KOTA KINABALU 1 Feb. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak menolak kemungkinan hubungan dua hala antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Sabah akan pulih sekiranya parti memerintah, Parti Bersatu Sabah (PBS) bukan lagi diterajui oleh Datuk Joseph Pairin Kitingan.

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata, sekiranya adik Pairin, Datuk Dr. Jeffrey Kitingan mengambil alih teraju kepimpinan PBS dan sang-

gup mematuhi prinsip BN, beliau juga mungkin akan diterima oleh BN.

Bagaimanapun, menurut beliau, BN hanya akan menerima semula PBS sekiranya Jeffrey yang didakwa bakal menerajui parti itu, benar-benar ikhlas dan berhasrat mahu membawa PBS kembali ke pangkuan BN.

"BN boleh menerima Jeffrey atau sesiapa sahaja asalkan mereka patuh kepada prinsip BN dan kita mahu pastikan pendiriannya dulu.

"Saya tidak pernah bermusuhan dengan orang Kadazan ataupun dengan orang-orang Sabah tetapi yang menjadi masalahnya ialah kepimpinan dia

(Pairin)...kepimpinan yang berada di tangan orang yang tidak layak menjadi pemimpin," katanya ketika menjawab soalan pada sidang akhbar yang diadakan di sini sebelum beliau berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

Menjawab satu soalan, Dr. Mahathir berkata, Jeffrey harus bijak bertindak dalam menentukan arah dan masa depan rakyat negeri ini yang telah dipersia-siakan sejak lebih sembilan tahun yang lalu.

"Sekiranya Jeffrey benar-benar sayangkan negeri Sabah seperti yang dia maksudkan, dia kena buat keputusan yang bijak dan tepat tetapi kalau

dia cuma fikirkan tentang keluarganya mungkin keputusannya tidak baik," katanya.

Bagaimanapun, menurut Dr. Mahathir, beliau percaya, Jeffrey telah dapat memahami pendirian Kerajaan Pusat dalam soal negeri Sabah dan soal negara.

"Sama ada dia bersetuju, itu soal lain...saya tidak memaksa dia bersetuju atau tidak, cuma dia mesti faham apa yang kita lakukan," katanya.

Sementara itu, ditanya mengenai kriteria calon-calon BN, Dr. Mahathir berkata, BN akan menilai dan memastikan ciri-ciri seperti berkebolehan, setia kepada parti, sikap

yang sesuai dengan kepimpinan dan sikap merendah diri mesti ada pada setiap pemimpin yang bakal menjadi calon BN dalam pilihan raya Sabah kali ini.

Katanya, calon-calon yang dipilih bukan berdasarkan kepada faktor sama ada mereka merupakan pemimpin politik baru atau pemimpin yang sudah lama.

"Orang lama pun boleh buat benda yang baru dan kita tak pilih kerana dia baru atau kerana dia lama, hanya kerana manifesto ini untuk Sabah Baru tidak bermakna muka baru sahaja boleh buat.

Berhak

"Saya pun lama juga, tapi saya boleh barukan saya punya otak sikit," katanya berjenaka dengan ketawa oleh para wartawan.

Mengenai kemungkinan bekas Ketua Menteri Sabah, Tun Datu Mustapha Datu Harun yang akan bertanding melawan Tan Sri Sakaran Dandai di Sulabayan atas tiket PBS-PLUS, Dr. Mahathir berkata, Tun Mustapha berhak membuat keputusan.

"Saya hormati Tun Mustapha sebagai orang tua yang berjasa kepada Sabah, yang disanjung tinggi oleh ramai orang Sabah dan terpulanglah kepada beliau," katanya.

Bagaimanapun, menurut Dr. Mahathir, beliau tidak menolak kemungkinan ada usaha-usaha mahu memperalatkan Bapa Kemerdekaan Sabah itu.